

PENGAJARAN DARIPADA SEMUT UNTUK MANUSIA

Nur Sakinah Mahazir & Dr. Siti Amira Othman

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Jika diperhatikan di sekeliling kita, semut adalah antara serangga yang mudah dilihat setiap hari. Sama ada di dalam atau di luar rumah hatta di mana-mana sekalipun, semut ada di mana-mana.

Dari segi habitatnya, semut adalah sejenis serangga yang hidup berkoloni atau berkumpulan. Semut tergolong dalam keluarga "*Formicidae*" yang berkait dengan lebah dan tebuan. Semut adalah serangga yang tidak mempunyai tulang belakang dan hanya mempunyai kulit keras bagi melindungi diri mereka. Badan semut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kepala, torak dan perut. Semut mempunyai kerangka luar kalis air dan keras yang terdiri daripada kitin. Walaupun bertubuh kecil, mereka boleh mengangkat beban 20 kali lebih berat daripada saiznya. Jadi tidak hairan apabila kita melihat semut boleh mengangkat beban yang jauh lebih besar daripada saiz mereka sendiri.

Dalam koloni mereka terdapat tiga jenis semut iaitu pemaisuri, jantan dan pekerja betina. Hanya pemaisuri dan jantan mempunyai sayap manakala pekerja tidak. Pemaisuri hanya berfungsi untuk bertelur manakala semut jantan akan mengawan dengan bakal pemaisuri dan mereka tidak akan hidup lama. Terdapat juga jenis semut yang mempunyai lebih daripada satu pemaisuri dan ianya bergantung kepada jenis semut.

Terdapat juga spesis semut yang bertindak sebagai tentera. Tugas mereka adalah untuk melindungi pemaisuri, koloni serta menyerang koloni musuh untuk mendapatkan makanan dan ruang. Jika mereka berjaya menumpaskan koloni pihak lawan, telur dari pihak lawan akan diambil. Setelah telur tersebut menetas, semut baharu tersebut menjadi hamba kepada koloni tersebut.

Sekarang, mari pula kita terokai fakta tentang semut lebih terperinci:

1. Terdapat lebih daripada 12 000 spesis semut dalam dunia ini.
2. Seseengah daripada pemaisuri boleh hidup lebih lama.
3. Semut tidak mempunyai telinga tetapi mereka mendengar dengan merasa getaran di kakinya.
4. Apabila semut keluar mencari makanan, mereka meninggalkan jejak feromon untuk mengetahui ke mana haluan mereka.
5. Semut tidak mempunyai paru-paru. Oksigen masuk melalui lubang kecil di badan mereka begitu juga dengan laluan keluar untuk karbon dioksida.

Selain itu, terdapat banyak jenis semut yang boleh dijumpai sama ada di dalam rumah atau di luar rumah seperti semut hitam, semut api dan banyak lagi. Semut hitam sering dilihat di sekeliling kita. Habitat semut hitam umumnya di dalam kawasan berkayu selain di bawah batu-bata atau dinding. Makanan yang menarik perhatian mereka adalah seperti minyak, daging, buah dan manisan. Selain itu, mereka juga makan serangga yang sudah mati. Saiz semut hitam adalah kecil dan tidak mampu untuk menyakiti manusia tetapi mungki mampu menyakitkan hati apabila mereka mula berkeliaran di dalam rumah!

Manakala, semut api merah pula berwarna coklat merah gelap. Semut ini terkenal kerana gigitannya yang agak menyakitkan. Semut ini membuat sarang setinggi dua kaki di atas kawasan tanah. Selain itu, mereka boleh didapati di pasu bunga atau pokok tetapi mereka juga boleh memasuki rumah melalui sistem HVAC. Sistem HVAC merujuk kepada sistem *Heating, Ventilation and Air-Conditioning* yang dipasang di bangunan seperti rumah. Semut api bertindak menyegat atau mengigit apabila berasa terancam dan boleh meninggalkan kesan.

Kesimpulannya, walaupun semut dilihat sebagai serangga yang perlu dihindari, semut juga memberikan satu perspektif positif yang mana mereka bertanggungjawab terhadap koloni mereka dalam mengekalkan kemandirian spesiesnya. Persepektif ini banyak digunakan dalam peribahasa seperti bagai semut penghimpun melukut yang bermaksud orang yang rajin bekerja. Gambaran ini jelas menunjukkan pengaruh sifat semut dalam sesuatu perkara. Ingatlah, walaupun kena gigit semut itu sakit dan memberi pengalaman yang pahit tetapi pengajaran daripada sifat semut itu banyak dan mungkin ada yang manis.